


LAMPIRAN MAKLUMAT PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET
BizJamin-i Micro TemanMesra

Sila baca dan fahami Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih BizJamin-i Micro TemanMesra. Sila pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat umum. Sila rujuk kepada Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC Malaysia) jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma dan syarat-syarat umum.

Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up BizJamin-i Micro TemanMesra. Be sure to also read the general terms and conditions. Please seek clarification from Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC Malaysia) if you do not understand any part of this document or the general terms and conditions.

Tarikh/Date: _____ (diisi oleh Pegawai Cawangan / filled-in by Branch Officer)

1. Apakah produk ini? / What is this product about?

BizJamin-i Micro TemanMesra adalah skim jaminan yang disediakan oleh CGC Malaysia. Skim ini menawarkan perlindungan jaminan untuk kemudahan pembiayaan BSN Micro-i TemanMesra, yang disediakan melalui Bank Simpanan Nasional ("BSN"). Pembiayaan BSN Micro-i TemanMesra adalah produk mikro kewangan yang direka khusus untuk menyokong usahawan mikro dalam mengembangkan perniagaan mereka.

The BizJamin-i Micro TemanMesra is a guarantee scheme provided by CGC Malaysia. This scheme offers guarantee coverage for the financing facility BSN Micro-i TemanMesra, which is availed through Bank Simpanan Nasional ("BSN"). The BSN Micro-i TemanMesra financing is a microfinance product specifically designed to support micro-entrepreneurs in growing their businesses.

2. Apa yang saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

Tujuan Pembiayaan / Purpose of Financing:	(i) Modal kerja / Working capital; (ii) Perbelanjaan modal / Capital expenditure; Dan/Atau / And/Or (iii) Pengubahsuaian premis perniagaan / Renovation of business premises Nota / Note: Perniagaan mesti patuh Syariah / The business must be Shariah compliant.
Jumlah Pembiayaan / Financing Amount:	RM5,000.00 – RM50,000.00
Jenis Pembiayaan / Financing Type:	Pembiayaan Berjangka / Term Financing
Tempoh / Tenure:	Sehingga 5 tahun / Up to 5 years
Perlindungan Jaminan / Guarantee Cover	70%
Kadar Keuntungan / Profit Rate:	5.99% hingga 7.49% setahun (kadar tetap), termasuk yuran jaminan / 5.99% to 7.49% per annum (flat rate), inclusive of guarantee fee
CGC Developmental Programme®:	Akses kepada kursus Literasi Kewangan (jika berkenaan) / Access to Financial Literacy course (where applicable)

CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD
(197201000831 [12441-M])



LAMPIRAN MAKLUMAT PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET

3. Apakah konsep Syariah yang digunakan untuk jaminan ini? / What is the applicable Shariah concept(s) applicable for this guarantee?

Skim jaminan adalah berdasarkan kontrak Kafalah. Merujuk kepada kontrak di mana penjamin memikul liabiliti pihak yang dijamin dalam mengambil alih liabiliti tertentu. / *The guarantee scheme is based on the Kafalah contract. Kafalah refers to a contract where the guarantor conjoins the guaranteed party in assuming the latter's specified liability.*

4. Apakah proses untuk memohon BizJamin-i Micro TemanMesra? / What is the process to apply for BizJamin-i Micro TemanMesra?

Pelanggan akan membuat permohonan perlindungan jaminan untuk dinilai oleh CGC Malaysia dan diputuskan kelayakan untuk dijamin di bawah BizJamin-i Micro TemanMesra. Permohonan perlindungan jaminan yang berjaya akan dinilai oleh BSN untuk kelayakan pembiayaan. Jumlah pembiayaan yang diluluskan mungkin berbeza daripada jumlah pembiayaan yang dipohon disebabkan oleh penilaian yang dilakukan. / *Customers will submit a guarantee cover application to be assessed by CGC Malaysia for eligibility under BizJamin-i Micro TemanMesra. Successful guarantee cover applications will then be evaluated by BSN for financing eligibility. The approved financing amount may differ from the applied amount due to the necessary assessment.*

5. Apakah tanggungjawab saya? / What are my obligations?

Anda dikehendaki membayar ansuran secara bulanan dan menyelesaikan jumlah pembiayaan apabila kemudahan tersebut matang seperti yang diluluskan oleh BSN. / *You are required to pay the installment on a monthly basis and settle the financing amount upon maturity of the facility as approved by BSN.*

6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar? / What are the fees and charges I need to pay?

Pelanggan harus merujuk kepada BSN mengenai sebarang yuran dan caj yang berkaitan dengan pembiayaan, yang juga akan didedahkan dalam lampiran pendedahan produk BSN.

The customer should refer to the BSN for any fees and charges related to the financing, which will also be disclosed in the BSN's product disclosure sheet.

7. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab? / What if I fail to fulfil my obligations?

Caj Bayaran Lewat berdasarkan kepada Ta'widh (gantirugi) akan dikenakan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada lampiran pendedahan produk BSN. / *Late Payment Charges based on Ta'widh (compensation) will be imposed. For more detailed information, please refer to the BSN's product disclosure sheet.*

Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan dan kos berhubung apa-apa tindakan undang-undang yang diambil oleh Bank terhadap anda akan ditanggung oleh anda - jika ada. / *Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices and legal cost will be borne by you - if any.*

Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar. / *Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult..*

CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD
(197201000831 [12441-M])



LAMPIRAN MAKLUMAT PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada CGC Malaysia dan BSN jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya dan untuk memudahkan kesinambungan perlindungan jaminan untuk kemudahan pembiayaan anda oleh CGC Malaysia. / *It is important to inform CGC Malaysia and BSN of any changes in your contact information. This ensures that all correspondence reaches you promptly and facilitates the continuity of guarantee protection for your financing facilities by CGC Malaysia.*

9. Di mana saya boleh mendapatkan informasi lebih lanjut? / Where can I get further information?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai BizJamin-i Micro TemanMesra, sila rujuk kepada / *Should you require additional information on BizJamin-i Micro TemanMesra, please refer to:*

- Layari laman web kami di www.cgc.com.my / Visit our website at www.cgc.com.my;
- Kunjungi pejabat cawangan CGC Malaysia Berhad yang terdekat / Visit the nearest CGC Malaysia branch office;
- Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7880 0088 / Contact our Client Service Centre at 03-7880 0088.

Pengakuan Pelanggan / Customer's Acknowledgment

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang anda tandatangan.
Please ensure you are filling this section yourself and aware of what you are placing signature for.



Saya mengakui bahawa CGC telah memberikan saya satu salinan dan bahawa saya telah membaca maklumat penting yang terkandung dalam helaian pendedahan produk ini. / *I acknowledge that CGC has provided me with a copy and that I have read the key information contained in this product disclosure sheet.*

** Pengakuan anda terhadap lampiran pendedahan produk ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian mengenai terma yang didedahkan dalam helaian pendedahan produk ini. / Your acknowledgment of this product disclosure sheet will not affect your right to seek redress in the event of a dispute regarding the terms disclosed in this product disclosure sheet.*

 Nama/Name:

Tarikh/Date: